

MAKLUMAT PENTING

Terima kasih kerana berminat untuk menyertai *Gamuda Inspiration Award 2025* (GIA 2025). Sila baca arahan dengan teliti sebelum menghantar kertas kerja berserta dokumen-dokumen anda.

Kertas kerja yang telah lengkap boleh dihantar dengan mengemel kepada gia@yayasangamuda.my. Tarikh tutup penghantaran kertas kerja adalah pada 30 Jun 2025, 5.30 petang.

Proses penilaian dan penelitian akan mengambil masa selama 2 (DUA) bulan. Sepanjang tempoh ini, jika perlu, kami akan menghubungi anda untuk mengadakan kunjungan atau temuduga atas talian untuk memahami dan mengetahui projek anda dengan lebih baik. Maka, nombor telefon dan alamat emel yang diberikan haruslah tepat dan mudah dicapai sepanjang proses ini.

Sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan berkenaan dengan *Gamuda Inspiration Awards 2025*, sila emel kepada kami di gia@yayasangamuda.my

ARAHAN:

Langkah 1

- **Muat turun templat kertas kerja** ini untuk diubahsuai luar talian ([Panduan Muat Turun Templat Kerja Kerja](#)) dan lengkapkan butiran yang diperlukan.

Langkah 2

- Sila pastikan semua maklumat telah dilengkapkan sebelum menghantar kertas kerja. kertas kerja yang dihantar mesti mengandungi bahagian berikut:

Bahagian A: Kategori

Pilih **SATU** kategori yang bersesuaian dengan inisiatif/projek anda.

Bahagian B: Butiran Organisasi (*isi templat di bawah*)

Bahagian C: Butiran Projek (*isi templat di bawah*)

Sila isi butiran projek mengikut item di Bahagian C templat.

Bahagian D: Lampiran

Sila lampirkan butiran berikut di dalam dokumen sebelum dihantar.

a) Sijil Pendaftaran Organisasi

Sila muat naik sijil pendaftaran organisasi yang sah daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM).

Untuk rumah kebajikan, sila sertakan sijil pendaftaran oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

b) Carta Organisasi

c) Garis Masa Projek

Menerusi Carta Gantt, perincian operasi dan garis masa projek anda.

d) Pengurusan Bajet

*Sila muat naik **pengurusan bajet yang terperinci** untuk projek anda, **boleh daripada RM 50,000 sehingga RM 300,000**. Ambil maklum bahawa kos pentadbiran mestilah **kurang daripada 15%** daripada dana GIA 2025 yang telah dipohon.*

*Yuran kontigensi pula mestilah **tidak melebihi 5%** daripada dana yang disediakan.*

e) Butiran Projek Lepas

*Terangkan secara ringkas mengenai **projek-projek lepas yang telah dianjurkan** oleh organisasi anda dan impak projek tersebut. Anda boleh sertakan bahan sokongan seperti pautan video untuk menyokong kenyataan anda.*

f) Gambar-gambar Sokongan

Sila sertakan pautan folder Google Drive yang mengandungi gambar-gambar sokongan anda.

Dokumen mesti dihantar dalam format PDF.

Langkah 3:

Emel kertas kerja kepada gia@yayasangamuda.my

Nota: Jika dokumen kertas kerja adalah terlalu besar untuk diemel, dokumen bagi Bahagian D boleh dilampirkan di dalam emel penghantaran anda.

Langkah 4:

Lengkapkan dan hantar Google Form di bawah untuk memaklumkan penghantaran anda.

<https://forms.gle/37GQGjXyYJKEAWNU9>

Penghantaran Google Form ini adalah untuk memastikan penghantaran anda diterima pihak kami.

Sila ambil maklum bahawa penghantaran hanya dianggap lengkap sekiranya semua maklumat yang disenaraikan di atas telah diisi dan diemel kepada gia@yayasangamuda.my serta Google Form dihantar selepas penghantaran emel dilakukan.

KAMI MENANTIKAN PENCALONAN ANDA!

BAHAGIAN A**1.0 KATEGORI**

Sila **hanya satu** pilih kategori yang bersesuaian dengan inisiatif/projek anda.

☐ **Alam Sekitar & Hidupan Liar**

Alam sekitar dan hidupan liar adalah penting bagi kelestarian masa hadapan. Anugerah ini menghargai individu dan organisasi yang membaik pulih ekosistem, menangani perubahan iklim, dan mempromosi pemuliharaan biodiversiti. Dedikasi mereka memastikan ekosistem yang subur bagi generasi akan datang.

Contoh:

- Projek pemeliharaan dan pemuliharaan ekosistem hutan, sungai dan hidupan laut.
- Perlindungan spesies, inisiatif membendung pemburuan haram dan program pemulihan hidupan liar.

☐ **Pembangunan Masyarakat**

Pembangunan masyarakat adalah sangat signifikan untuk memastikan masa depan yang cerah bagi komuniti di dalam setiap ketamadunan manusia. Anugerah ini menyokong program dan inisiatif yang menaikkan dan memperkasakan komuniti dengan meningkatkan mata pencarian, memperluaskan akses kepada pendidikan, dan memupuk keharmonian sosial. Dengan menyediakan ahli-ahli masyarakat dengan cara untuk berkembang maju di dunia moden, kami membuka potensi individu dan masyarakat untuk mewujudkan perubahan yang mampan dan positif. Anugerah ini memberi penghormatan kepada mereka yang didedikasikan untuk mendidik dan memperkasakan komuniti, membantu mereka memecahkan kitaran kemiskinan dan mencapai kecukupan yang berkekalan.

Contoh:

- Latihan vokasional untuk peluang pekerjaan
- Inisiatif untuk menyediakan akses kepada sumber air bersih
- Perneriksaan komuniti menerusi pembangunan kemahiran
- Penyelesaian mesra alam untuk komuniti, tidak terhad kepada bidang Infrastruktur Kelestarian Komuniti, Projek Pemuliharaan Pimpinan Masyarakat, Ekonomi Kitaran dan Pengurusan Sisa Buang, Program Kehidupan Lestari dan Pendidikan & Kesedaran

☐ **Seni, Inovasi & Kesejahteraan**

Kategori ini merangkumi tiga bidang utama, sila pilih bidang yang bersesuaian dengan projek anda:

1. Pemeliharaan Seni, Kebudayaan & Warisan

Meraikan inisiatif yang memelihara warisan budaya Malaysia, mempromosikan kepelbagaian, dan menghubungkan tradisi dan inovasi. Ini adalah penting untuk melindungi pengetahuan tradisional, seni warisan masyarakat dan menginspirasi identiti nasional.

Contoh:

- Penggiatan seni dan kraf tradisional.
- Pengarkiban amalan kebudayaan secara digital.
- Program yang mempromosikan seni moden dan kontemporari dengan kepentingan budaya.

2. Inovasi & Teknologi untuk kebaikan

Menyokong inovasi yang berimpak dan berskala (berteknologi tinggi dan kos rendah) yang menangani cabaran sosial atau alam sekitar. Kategori ini sejajar dengan usaha Malaysia untuk memajukan ekonomi digital dan meningkatkan kemampanan.

Contoh:

- Penyelesaian berorientasikan teknologi untuk akses penjagaan kesihatan luar bandar.
- Projek tenaga yang boleh diperbaharui untuk golongan yang kurang berkemampuan.
- Akses kepada program EdTech untuk belia yang terpinggir
- Promosi praktis mesra alam

3. Penjagaan kesihatan & kesejahteraan mental

Menyokong program yang meningkatkan akses kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti dan menggalakkan kesejahteraan mental, terutamanya untuk komuniti yang kurang mendapat perhatian dan rentan. Kawasan utama ini menangani jurang dalam infrastruktur penjagaan kesihatan, penjagaan pencegahan, dan sokongan kesihatan mental di seluruh Malaysia.

Contoh:

- Klinik bergerak dan perkhidmatan perubatan jarak jauh untuk kawasan luar bandar dan kawasan terpencil.
- Kempen kesedaran kesihatan mental, program kaunseling, dan kumpulan sokongan dari komuniti.
- Nutrisi dan program kesihatan pencegahan untuk kanak-kanak, wanita, dan populasi warga tua.
- Inisiatif untuk meningkatkan akses penjagaan kesihatan untuk golongan terpinggir, termasuk pelarian dan komuniti tanpa kewarganegaraan.

BAHAGIAN B**2.0 BUTIRAN ORGANISASI**

Nama Organisasi	
Alamat Tetap Organisasi	
Nombor Telefon Organisasi	Pejabat:
	Telefon Bimbit: <i>Sila sertakan nama.</i>
Alamat Emel Organisasi	
Laman Sesawang / Media Sosial	
Profil Ringkas mengenai Organisasi <i>(200 patah perkataan)</i>	

BAHAGIAN C**3.0 MAKLUMAT PROJEK**

Objektif <i>Apakah objektif utama projek ini?</i>	
Keunikan <i>Apakah ciri-ciri istimewa projek ini?</i>	
Kumpulan Sasaran <i>Siapakah atau apakah kumpulan sasaran bagi projek anda?</i>	
Kerangka Projek <i>Terangkan mengenai projek anda dan bagaimana anda merancang untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Sila sertakan aktiviti/tindakan yang akan dirancang.</i>	

Hasil Projek dan Penunjuk Kejayaan Projek <i>Di penghujung pembiayaan, apakah yang hendak anda capai yang boleh dianggap sebagai indikator kejayaan?</i>	
Kelestarian Projek <i>Bagaimanakah projek anda boleh menjadi lebih mandiri dan boleh diteruskan dalam jangka masa panjang?</i>	
Daya Tahan Diri <i>Apakah saat paling sukar yang anda hadapi semasa projek dijalankan dan bagaimanakah anda bangkit untuk mengatasinya?</i>	
Penglibatan Komuniti <i>Terangkan dengan lebih lanjut mengenai penglibatan anda dan komuniti setempat dalam melaksanakan projek ini.</i>	
Manfaat kepada Pemberi Dana <i>Apakah manfaat yang boleh kami peroleh</i>	

melalui pemberian dana ini? Adakah pihak anda ada menyediakan sebarang peluang kesukarelawanan, perkongsian ilmu mahupun peluang latihan dan sebagainya.

BAHAGIAN D
4.0 LAMPIRAN

Berikut adalah senarai semak dokumen yang perlu disertakan dalam bahagian lampiran kertas kerja.

No	Item	Senarai Semak
1	Sijil Pendaftaran Organisasi	
2	Carta Organisasi	
4	Pengurusan Bajet (Pelan Bajet)	
3	Garis Masa Projek (Carta Gantt)	
5	Butiran Projek Lepas	
6	Gambar-gambar Sokongan <i>Sila sertakan pautan folder Google Drive yang mengandungi gambar-gambar sokongan anda.</i>	